

SOALAN LAZIM PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)

1. Apakah itu Program Baucar Perlindungan Tenang?
 - Program Baucar Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluas perlindungan sosial kepada golongan B40. Melalui program ini, baucar RM50 diberi kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang layak bagi membantu mereka membeli produk Perlindungan Tenang daripada syarikat insurans dan pengendali takaful berlesen.

2. Siapakah yang layak mendapat program baucar RM50 ini?
 - Program ini terbuka kepada penerima BPR yang layak untuk kategori isi rumah, bujang dan warga emas.

3. Bagaimanakah cara untuk saya menyemak kelayakan untuk Baucar Perlindungan Tenang (PTV)?
 - **Untuk menyemak kelayakan, sila ikuti langkah-langkah seperti di bawah:**
 - Langkah 1:** Layari www.myptv.my

 - Langkah 2:** Masukkan maklumat Nombor Kad Pengenalan (NRIC) anda dan tandakan tik (/) di "YA, SAYA TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI NOTIS PRIVASI" dan "Saya bukan robot";

 - Langkah 3:** Klik butang "Cari". Jika anda layak untuk program ini, anda akan menerima nombor baucar dalam mesej seterusnya.

 - Sebagai alternatif, anda juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan atau ejen/pengedar syarikat insurans / pengendali takaful yang sah yang menawarkan produk Perlindungan Tenang untuk menyemak kelayakan anda.

4. Bagaimanakah untuk menebus baucar semasa membeli produk Perlindungan Tenang?
 - **Terdapat dua kaedah untuk menebus baucar semasa membeli produk anda:**
 - Kaedah 1 - Penebusan baucar untuk pembelian produk atas talian:**
 - Langkah 1:** Layari www.mycoverage.my/perindungan_tenang/

 - Langkah 2:** Skrol ke bawah untuk melihat seksyen "Produk Perlindungan Tenang". Klik ikon logo syarikat/produk Perlindungan Tenang untuk mendapatkan maklumat asas mengenai produk tersebut. Sila semak kriteria produk masing-masing seperti had umur dan jumlah premium/sumbangan sebelum memutuskan produk yang paling sesuai dengan keperluan anda.;

 - Langkah 3:** Tekan butang "KETAHUI LEBIH LANJUT" dan anda akan dibawa ke laman web syarikat insurans atau pengendali takaful yang menawarkan produk Perlindungan Tenang tersebut.

 - Langkah 4:** Anda akan dibantu untuk melalui proses yang mudah untuk menyertai/membeli produk tersebut. Anda perlu mengisi maklumat yang diperlukan seperti nama, nombor Kad Pengenalan (NRIC), umur, jantina dan lain-lain untuk melengkapkan proses pembelian. Anda mungkin juga perlu memasukkan nombor Baucar Perlindungan Tenang unik anda untuk menuntut baucar tersebut semasa pembelian produk. Anda dinasihatkan untuk membaca terma dan syarat produk tersebut sebelum membuat pembelian.

SOALAN LAZIM PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)

Kaedah 2 - Penebusan dan pembelian di kaunter:

- Anda juga boleh menebus baucar dan menyertai/membeli produk Perlindungan Tenang secara langsung dari kaunter pejabat cawangan atau ejen/pengedar sah syarikat insurans/pengendali takaful.
- Teliti dan fahami maklumat asas serta manfaat produk, termasuk menyemak kriteria produk seperti had umur dan jumlah premium/sumbangan sebelum memutuskan produk yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda akan dibantu sekiranya mempunyai sebarang persoalan mengenai produk Perlindungan Tenang tersebut.
- Sekiranya anda ingin meneruskan pembelian, anda akan diminta untuk mengisi maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan proses pembelian.

Proses ini mungkin berbeza mengikut syarikat insurans dan pengendali takaful masing-masing. Anda dinasihatkan untuk menghubungi wakil perkhidmatan pelanggan syarikat insurans dan pengendali takaful masing-masing untuk mendapatkan maklumat lanjut.

5. Bilakah tarikh Program Baucar Perlindungan Tenang ini berkuatkuasa?
 - Baucar RM50 Perlindungan Tenang boleh digunakan dari **30 September 2021 sehingga 31 Disember 2021**.
 - Dalam pembentangan Bajet 2022, Kerajaan telah mengumumkan penerusan Program PTV mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022. Maklumat lanjut akan diumumkan dalam masa terdekat.
6. Semasa pembentangan Bajet 2022, Kerajaan telah mengumumkan bahawa nilai PTV akan ditingkatkan ke RM75 pada tahun 2022. Haruskah saya tunggu hingga 2022 untuk menebus baucar saya?
 - Sekiranya anda menebus baucar PTV RM50 selewat-lewatnya 31 Disember 2021, anda masih layak untuk menebus baucar PTV RM75 pada tahun 2022.
7. Jika saya mempunyai sebarang masalah penyemakan kelayakan atau mempunyai apa-apa persoalan mengenai Program Baucar Perlindungan Tenang, siapakah yang patut saya hubungi?
 - Anda boleh menghubungi pusat panggilan Program Baucar Perlindungan Tenang di talian **03-77239333** atau layari www.myptv.my or www.mycoverage.my
8. Insurans dan pengendali Takaful manakah yang saya boleh membuat tuntutan untuk inisiatif ini?
 - Senarai syarikat Insurans dan pengendali Takaful yang terlibat di dalam program ini boleh di dapati di: https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/
 - Untuk maklumat lebih lanjut mengenai syarikat, sila ke laman “Hubungi Kami”.
9. Bolehkah saya menggunakan baucar untuk polisi / sijil yang sedia ada yang telah dibeli/disertai sebelum pelancaran program PTV?

SOALAN LAZIM PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)

- Baucar hanya boleh digunakan untuk polisi/sijil Perlindungan Tenang baharu/memperbaharui polisi/sijil (Tarikh kuatkuasa berdasarkan kepada Tarikh pelancaran Program Baucar Perlindungan Tenang)
 - Baucar tidak boleh digunakan untuk polisi/sijil Perlindungan Tenang sedia ada tetapi dibenarkan untuk memperbaharui polisi/sijil Perlindungan Tenang sedia ada.
10. Saya adalah penerima BPR yang layak di bawah Program Baucar Perlindungan Tenang tetapi umur saya melebihi 65 tahun. Adakah saya layak untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang ditawarkan oleh syarikat Insurans dan Pengendali Takaful?
- Penerima BPR yang layak masih tertakluk kepada kriteria pengunderaitan syarikat insurans dan pengendali takaful, seperti had umur yang bergantung kepada polisi hayat atau takaful keluarga tersebut. Walau bagaimanapun, polisi/sijil tertentu seperti polisi/sijil kebakaran untuk melindungi bangunan dan/atau isi rumah secara amnya tidak mempunyai had umur. Sila kunjungi laman web https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/ untuk maklumat lebih lanjut.
11. Berapa banyak baucar yang akan saya terima?
- Setiap penerima BPR yang layak **hanya akan menerima satu baucar bernilai RM50**. Baucar ini hanya boleh digunakan oleh penerima BPR yang layak dan **tidak boleh dipindahmilik**.
12. Saya telah membeli polisi/sijil insurans/takaful Perlindungan Tenang menggunakan baucar, tetapi polisi/sijil tersebut tidak lagi bersesuaian dengan keperluan saya. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil tersebut dan mengguna semula baucar saya?
- Untuk produk dengan tempoh “free-look” 15 hari:
- Pemegang polisi/takaful dibenarkan untuk membatalkan polisi/sijil insurans/takaful dalam tempoh 15 hari daripada Tarikh penerimaan polisi/sijil sekiranya beliau mendapati polisi/sijil tersebut tidak bersesuaian dengan keperluan insurans/takaful beliau.
 - Penerima masih layak untuk mengguna semula baucar **sebelum 31 Disember 2021** untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang lain jika mereka membatalkan produk Perlindungan Tenang sebelumnya **dalam tempoh “free-look”**.
 - Penerima **tidak dibenarkan mengguna semula baucar** untuk membeli polisi yang lain sekiranya pembatalan dibuat **selepas** tempoh “free look”.
- Untuk produk tanpa tempoh “free-look”:
- Penerima **tidak dibenarkan mengguna semula baucar** jika pembatalan dibuat pada bila-bila masa.
- Nota: Anda dinasihatkan untuk tidak membatalkan polisi atau sijil yang anda beli selepas tempoh free-look 15 hari atau untuk produk tanpa tempoh free-look, kerana perlindungan insurans / takaful anda akan luput dan anda tidak akan dibenarkan mengguna semula Baucar Perlindungan Tenang.**
13. Bolehkah saya beli lebih dari satu produk dengan baucar RM50 Perlindungan Tenang ini?
- Setiap penerima **hanya dibenarkan membeli satu produk Perlindungan Tenang**. Sekiranya produk yang dibeli berharga kurang daripada RM50, tiada baki akan dipulangkan.

SOALAN LAZIM PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)

Sekiranya produk yang dibeli berharga lebih RM50, penerima perlu membayar lebih harga tersebut.

14. Bolehkah saya menukar baucar kepada tunai dan adakah terdapat tarikh luput untuk menggunakan baucar tersebut?
 - Tidak, baucar ini **tidak boleh dipulangkan atau ditukarkan kepada wang tunai secara sebahagian atau penuh**. Baucar RM50 PTV perlu digunakan dalam masa Program Baucar Perlindungan Tenang bermula dari **30 September 2021 sehingga 31 Disember 2021**.
15. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Baucar Perlindungan Tenang?
 - Anda boleh layari Portal PTV di www.myptv.my untuk maklumat lanjut mengenai PTV dan https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/ untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk-produk Perlindungan Tenang.
16. Saya layak menerima Baucar Perlindungan Tenang dan telah menerima kod baucar saya. Sekiranya saya memilih untuk tidak menggunakan baucar, apa akan berlaku kepada baucar tersebut?
 - Baucar RM50 akan terbatal secara automatik jika anda tidak menggunakannya dalam tempoh program baucar (**30 September 2021 sehingga 31 Disember 2021**). Anda dinasihatkan untuk menebus baucar tersebut secepat mungkin setelah menyemak dan memahami produk yang ingin dibeli
17. Adakah saya perlu menambah pembayaran sekiranya premium / sumbangan berharga lebih dari RM50?
 - Ya, anda perlu membayar baki selebihnya sekiranya premium / sumbangan berharga lebih dari RM50 nilai baucar. Sebagai contoh, dengan menggunakan baucar RM50 tersebut, anda hanya perlu membayar RM20 untuk membeli produk dengan premium/sumbangan tahunan RM70.

Produk Perlindungan Tenang

18. Apa itu Perlindungan Tenang?
 - Perlindungan Tenang adalah sebuah inisiatif oleh industri insurans dan takaful yang menyediakan produk insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan segmen yang masih tidak dilindungi, terutamanya golongan bawah 40% penduduk atau B40. Matlamat utama ialah menyediakan perlindungan insurans dan takaful dari sebarang risiko di dalam kehidupan, Perlindungan Tenang merangkumi produk-produk yang memenuhi kriteria iaitu Mampu Milik, Mudah Diakses, Mudah Difahami dan Proses Tuntutan yang Mudah.
19. Apakah Produk-Produk Perlindungan Tenang?
 - Produk-produk Perlindungan Tenang menyediakan perlindungan asas insurans atau takaful. Ia adalah jaringan keselamatan untuk anda dan orang tersayang mendapat perlindungan dari segi kewangan sekiranya berlaku kematian, kebakaran atau kejadian yang tidak diingini. Sila layari https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/ untuk melihat produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans dan pengendali takaful.

SOALAN LAZIM PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)

20. Bagaimanakah untuk membezakan produk Perlindungan Tenang dengan produk-produk insurans/takaful yang lain?
- Anda boleh melihat logo Perlindungan Tenang seperti di bawah untuk mengenal pasti produk yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans / Pengendali Takaful.



21. Adakah produk Perlindungan Tenang menawarkan perlindungan kesihatan berkaitan Covid-19?
- Sila rujuk dengan syarikat insurans/pengendali takaful masing-masing untuk maklumat lanjut mengenai faedah dan perlindungan produk..

Penamaan (untuk insurans hayat dan takaful sahaja)

22. Apakah itu Penamaan?
- Hak yang diberikan kepada pemegang polisi/sijil untuk menamakan seseorang untuk menerima manfaat polisi/sijil apabila anda meninggal dunia.
23. Mengapakah Penamaan penting?
- Melindungi kepentingan orang tersayang.
 - Memudahkan proses tuntutan dan memastikan manfaat insurans/Takaful anda dapat diberikan dengan lebih pantas.
 - Tanpa penamaan, proses pentadbiran untuk membuat pembayaran akan memakan masa yang lebih lama
24. Siapakah yang boleh saya namakan?
- Anda boleh menamakan sesiapa sahaja selain daripada diri sendiri untuk menerima manfaat polisi/sijil apabila anda meninggal dunia anda (terma dan syarat mungkin/akan dikenakan)
 - Anda perlu memastikan bahawa penama mengetahui pelan yang telah anda sertai.
25. Bilakah saya perlu membuat Penamaan?
- Semasa permohonan polisi/sijil atau secepat mungkin pada bila-bila masa.
 - Anda juga boleh mengubah penamaan pada bila-bila masa sepanjang tempoh polisi/sijil.
 - Borang penamaan terkini yang dikemukakan dan diperakui oleh syarikat insurans dan pengendali Takaful akan menggantikan semua penamaan terdahulu, jika ada.
26. Bagaimanakah caranya untuk membuat Penamaan?
- Lengkapkan borang penamaan yang telah disediakan oleh syarikat insurans dan pengendali Takaful.

SOALAN LAZIM PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)

- Borang penamaan mestilah ditandatangani oleh saksi yang berumur 18 tahun dan ke atas yang berfikiran waras dan bukan merupakan penama anda (tertakluk kepada terma dan syarat)
- Nyatakan bahagian yang ingin diagihkan kepada setiap penama
- Pastikan syarikat insurans/pengendali Takaful mengesahkan penamaan anda.
- Untuk maklumat terperinci, sila rujuk kepada Soalan Lazim Penamaan mengenai Penamaan di laman web Persatuan seperti berikut:

Insurans hayat:

https://www.liam.org.my/images/liam/FAQ%20on%20Making%20A%20Nomination-f_LIAM%20contact.pdf

Takaful:

<https://www.malysiantakaful.com.my/sites/default/files/2020-08/FAQ%20on%20Making%20A%20Nomination-.pdf>

Tuntutan untuk Produk Perlindungan Tenang

27. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Hanya dengan 3 langkah yang mudah anda boleh mengemukakan tuntutan anda:

- Isi borang tuntutan
- Kumpulkan semua dokumen sokongan yang anda perlukan
- Kirimkan borang anda dengan dokumen sokongan

Anda boleh merujuk kepada panduan tuntutan syarikat insurans / pengendali Takaful untuk Tuntutan masing-masing. Anda boleh menghantar e-mel permintaan anda ke syarikat insurans / pengendali Takaful yang mengambil bahagian atau menghubungi Wakil Perkhidmatan Pelanggan mereka.

28. Bilakah saya perlu memberitahu anda mengenai tuntutan baru yang perlu saya buat?

- Untuk memproses tuntutan tersebut, pihak menuntut perlu memberitahu dan menyerahkan tuntutan tersebut kepada syarikat insurans / pengendali Takaful masing-masing secepat mungkin.

29. Berapa lamakah tuntutan akan diproses?

- Pihak syarikat insurans/pengendali takaful akan mengambil masa 5 hari bekerja (untuk tuntutan kematian) dan 7 hari bekerja (untuk tuntutan bukan kematian) untuk memproses tuntutan setelah menerima pemberitahuan tuntutan.

30. Bagaimanakah untuk menyemak status tuntutan saya atau mendapatkan penjelasan untuk sebarang keraguan mengenai keputusan tuntutan

- Anda boleh menyemak status tuntutan anda menggunakan cara berikut:
 - a. Hubungi Wakil Khidmat Pelanggan syarikat insurans/pengendali Takaful yang menyertai; atau
 - b. Hantarkan email kepada syarikat insurans/pengendali Takaful yang menyertai; atau
 - c. Kunjungi cawangan terdekat syarikat insurans/pengendali Takaful yang menyertai.

SOALAN LAZIM PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)

Prosedur tuntutan di atas adalah untuk rujukan sahaja. Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk peruntukan tuntutan di dalam polisi/sijil yang berkaitan atau sila layari laman web syarikat insurans/ pengendali Takaful yang mengambil bahagian.